


3. Pusingkan bar hendal ke kiri sepenuhnya.
▶ Jika bar hendal dipusingkan ke kanan ia akan menyebabkan skuter jatuh kerana kekurangan kestabilan.
4. Putarkan suis penghidup ke posisi  (Lock) (➤ MS. 30) dan kunci suis penghidup (➤ MS. 38).
5. Tetapkan sistem penggera anti-kecurian. ➤ MS. 40

Pengisian dan Panduan Mengenai Minyak Petrol

Sila ikut garis panduan untuk melindungi enjin, sistem bahan api dan pengubah pemangkin:

- Hanya gunakan minyak petrol tanpa plumbum.
- Pastikan anda mengikut nombor oktana yang disyorkan. Jika menggunakan minyak petrol yang lebih rendah oktana daripada yang disyorkan akan menjejaskan prestasi enjin.
- Jangan menggunakan minyak petrol yang mengandungi konsentrasi alkohol yang tinggi. ➤ MS. 142
- Jangan menggunakan minyak petrol lama atau kotor, ataupun bercampur dengan minyak lain.
- Elakkan tangki daripada termasuk habuk atau air.